

TERMA PENGGUNAAN DATA TERBUKA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

Terma Penggunaan ini menerangkan syarat penggunaan data terbuka yang diterbitkan oleh Majlis Perbandaran Selayang. Pengguna yang mengakses, memuat turun atau menggunakan data yang diterbitkan oleh MPS dianggap telah bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan di bawah.

1. Tujuan

1.1. Terma penggunaan ini bertujuan untuk:

- Menggalakkan perkongsian dan penggunaan semula data sektor awam;
- Menyokong inisiatif keterbukaan data kerajaan;
- Menggalakkan inovasi, penyelidikan dan pembangunan aplikasi berasaskan data.

2. Penggunaan Data

2.1. Pemilik iaitu Majlis Perbandaran Selayang memberi kebenaran kepada pengguna untuk menggunakan data terbuka yang diterbitkan tanpa sebarang caj, tertakluk kepada pematuhan terma penggunaan ini.

3. Hak Pengguna

3.1. Pengguna dibenarkan untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

- Menyalin, menerbitkan, mengedar dan memindahkan data;
- Mengubah suai atau mengadaptasi data;
- Menggunakan data bagi tujuan komersial atau bukan komersial;
- Menggabungkan data dengan dataset lain; dan
- Menggunakan data dalam pembangunan produk, perkhidmatan atau aplikasi digital.

4. Tanggungjawab Pengguna

4.1. Sekiranya pengguna menggunakan atau menerbitkan semula data yang disediakan oleh MPS, pengguna hendaklah:

- Menyatakan sumber data seperti berikut:
“Sumber: Majlis Perbandaran Selayang (MPS)”
- Menyediakan rujukan atau pautan kepada Terma Penggunaan Data Terbuka ini;
- Tidak mengelirukan pengguna lain mengenai sumber asal data; dan
- Tidak menggunakan data untuk tujuan yang menyalahi undang-undang.

5. Pengecualian

5.1. Terma penggunaan ini tidak memberikan sebarang hak kepada pengguna terhadap perkara-perkara berikut:

- Data peribadi individu;
- Nama, jata, logo atau simbol rasmi Majlis Perbandaran Selayang;
- Logo atau identiti rasmi organisasi sektor awam;
- Lambang diraja atau lambang angkatan tentera;
- Hak pihak ketiga yang mana pemilik data tidak mempunyai kuasa terhadapnya;
- Hak harta intelek termasuk paten, tanda dagangan dan reka bentuk industri; dan
- Dokumen pengenalan diri seperti MyKad, pasport atau dokumen rasmi kerajaan yang lain.

5.2. Walaupun data terbuka ini dibenarkan untuk digunakan secara bebas, terdapat beberapa jenis maklumat yang TIDAK termasuk dalam kebenaran penggunaan Data Terbuka ini.

5.3. Pengguna hanya boleh menggunakan dataset yang diterbitkan, tetapi tidak mempunyai hak ke atas perkara-perkara yang dilindungi seperti di senarai di atas.

6. Keselamatan dan Kerahsiaan Data

6.1. Data yang diterbitkan sebagai data terbuka oleh MPS adalah terhad kepada maklumat yang telah dikenal pasti sebagai tidak terperingkat dan tidak sensitif.

6.2. Sebarang data yang diklasifikasikan sebagai terhad, sulit atau rahsia tidak akan diterbitkan sebagai data terbuka selaras dengan peraturan keselamatan maklumat kerajaan.

7. Penafian (Tiada Jaminan)

7.1. Data disediakan dalam bentuk asal sebagaimana yang diterbitkan oleh Majlis Perbandaran Selayang tanpa sebarang jaminan mengenai ketepatan, kesempurnaan atau kesesuaian penggunaannya.

7.2. Pemilik data tidak bertanggungjawab terhadap:

- sebarang ralat dalam data;
- kehilangan atau kerosakan data;

7.3. kerugian, kecederaan atau kerosakan yang timbul akibat penggunaan data tersebut.

8. Hak Pemilikan Data

8.1. Semua dataset yang diterbitkan kekal sebagai hak milik Majlis Perbandaran Selayang.

8.2. MPS berhak untuk:

- mengubah,
- mengemaskini, atau
- menarik balik dataset yang diterbitkan pada bila-bila masa tanpa notis awal.

9. Undang-undang

9.1. Terma penggunaan ini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian yang timbul berkaitan penggunaan data adalah tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah di Malaysia.
